

Peribahasa Arab

Peribahasa atau perumpamaan dalam bahasa Arab ialah sesuatu tutur kata yang indah, sedikit pengucapannya tetapi banyak pengertiannya dan luas maknanya. Kata-kata hikmah ini kadang-kadang diucapkan oleh seorang pujangga, seorang penyair, dan kadang-kadang diperkatakan oleh seorang manusia biasa tetapi berasal dari suatu peristiwa, yang kemudiannya menjadi teladan dan perbandingan turun-temurun.

Di bawah ini saya nukilkan setengah-setengah daripada perumpamaan dan peribahasa Arab itu, yang mungkin ada gunanya untuk tatapan para pembaca:

(Oleh 'Ayn. Jīm.)

Habis musim bunga, datanglah musim buah-buahan.

Bukan setiap orang yang mengalami penderitaan itu akan sentiasa menderita sepanjang masa, adakalanya kalau telah puas menderita akan beroleh kesenangan dan kemewahan. Kerana perjalanan nasib seseorang itu dikatakan tidak lebih dan tidak kurang seperti perjalanan roda yang sekali ke bawah dan sekali akan naik ke atas. Perumpamaan ini sama juga dengan perumpamaan Melayu yang berbunyi:—

Habis gelap, timbullah terang.

Berasalnya perumpamaan ini, ialah daripada kebiasaan pengalaman yang selalu berlaku dalam musim-musim yang beredar di negeri-negeri Arab atau di negeri-negeri Eropah, setahun mengandungi empat musim, dalam satu-satu musim itu terpaksa dialami mereka selama tiga bulan, iaitu musim sejuk, musim panas, musim bunga dan

musim buah-buahan.

Pada musim sejuk dan musim bunga itulah adakalanya orang-orang kebanyakan terutama orang-orang miskin, menderita kesusahan dan penderitaan, berlainan sekali dengan keadaan orang-orang kaya, mereka itu akan sentiasa bersukacita dalam sebarang musim. Tetapi pada musim-musim yang lain pula, terutama pada musim panas dan musim buah-buahan akan menyenangkan orang-orang miskin dengan mendapat kesenangan dan kemewahan dari hasil mahsul bumi mereka, bahkan di masa-masa itu pula kadang-kadang menjadi masa kesusahan bagi orang-orang yang dahulunya kaya dan mewah.

Kijang tidak akan meninggalkan bayangnya.

“Kijang” seekor binatang yang terkenal cergas dan cerdik. Tidak mudah bagi seseorang pemburu

untuk mendapatkannya. Ia juga terkenal sebagai seekor binatang yang pandai melakukan tipu muslihat untuk memperdayakan lawannya di hutan-hutan rimba. Tidak mudah binatang-binatang buas di dalam sesebuah hutan itu hendak menjadikannya mangsa.

Perumpamaan ini ditujukan kepada seseorang yang terkenal banyak tipu helahnya, atau seorang yang kelihatannya lincah dan pandai pula membuat tipu daya dengan tidak disedari oleh orang yang hendak ditipunya. Tiba-tiba bila ia telah sedar kena tipu baharulah hendak mencarinya. Tentu sahaja si penipu itu telah melarikan diri jauh daripadanya, masakan si penipu itu hendak menunggu-nunggu sampai ia ditangkap.

Berasalnya perumpamaan ini didapati juga dari seorang pemburu yang telah mengenali gerak laku segala binatang-binatang buruan di hutan. Ada banyak binatang-binatang buruan yang lain jika terlihat kepada pemburu ia tidak dapat melarikan diri, seolah-olah terkaku dan dengan demikian ia akan mudah diburu, dipanah atau ditembak oleh si pemburu itu. Tetapi berlainan sekali halnya dengan kijang, kerana ia bila melihat pemburu hendak menembaknya dengan serta-merta ia menghilangkan diri dan kerana gerakannya yang terlampau cepat, sampai dikatakan jangkakan jejaknya yang boleh diikuti, bayangnya pun tidak kelihatannya lagi.

Belum dapat membezakan antara kurma dan bara api.

Dimaksudkan kepada seseorang yang belum dewasa akan fikirannya, hingga belum dapat lagi membezakan sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepadanya atau boleh

mendatangkan manfaat baginya. Atau menunjukkan seseorang itu masih lagi mentah dan belum mengetahui putar belit dunia, hingga dengan mudah ia tertipu atau terpedaya oleh tipu daya orang lain.

Berasalnya perumpamaan ini dari kisah sejarah dunia yang berlaku di antara Nabi Allah Mūsā *'alayhi al-salām* dengan Firaun (Raja Mesir). Bila Mūsā dilahirkan oleh ibunya, ia lalu dihanyutkan oleh ibunya ke dalam sungai, kerana khuatir akan dibunuh oleh Raja Firaun yang telah mengeluarkan perintah sesiapa yang beranak lelaki hendaklah diserahkan kepadanya untuk disembelih, kerana ia telah mendapat tahu bahawa di zamannya itu akan ada seorang nabi yang akan lahir ke dunia dan nabi itulah yang akan mengalahkan kekuasaannya.

Denga kuasa Allah, Mūsā yang telah dihanyutkan ibunya itu sampai ke tangan Firaun, dan dipelihara oleh isteri Firaun. Dari masa dalam pangkuan lagi Mūsā telah menunjukkan permusuhannya dengan Firaun (bapa angkatnya itu). Pada suatu hari rambut atau janggut Firaun diragutnya hingga mendatangkan kemarahan kepada Firaun, dan ia menyangka bahawa anak lelaki inilah yang akan menjadi nabi dan memusnahkannya. Mūsā yang masih kecil itu hampir sahaja dibunuh oleh Firaun, tetapi isterinya membantah sambil mengatakan bahawa ia itu seorang anak kecil yang belum dapat lagi membezakan antara buah kurma dan rupa bara api.

Tatkala itu Firaun segera memerintahkan kepada hamba-hambanya supaya didatangkan ke hadapannya seketul bara api dan sebiji buah kurma. Bila didatangkan kedua

benda tersebut dalam sebuah dulang, Mūsā yang masih bayi itu pun mengambil bara api yang merah menyala lalu hendak dimakannya, dengan demikian ia menyangka benarlah kata-kata isterinya yang mengatakan; bahawa anak kecil itu belum dapat membezakan antara sebiji kurma dengan seketul bara api. Terselamatlah Mūsā daripada kekejaman Firaun di masa kecilnya itu.

Takut di waktu bahaya itu, suatu bahaya lagi.

Segala bahaya yang mendatang hendaklah dihadapi dengan tenang waspada dan berhati-hati. Itulah yang sekurang-kurangnya dilakukan kalau kita tidak berani menghadapinya dengan mengadakan perlawanan dan penentangan. Maksudnya dalam menghadapi bahaya itu seseorang mestilah melawan dan menentangnya seberapa daya upaya dan kalau tidak sanggup melawan atau menentang, hendaklah dihadapi dengan berwaspada dan berjaga-jaga. Tetapi janganlah sekali-kali menghadapinya dengan perasaan takut khuatir atau gelisah yang akan menyebabkan satu bahaya lagi bagi mereka yang mengalaminya.

Berasalnya perumpamaan ini, daripada segala pengalaman yang pernah dialami oleh kebanyakan puak dan kaum bangsa Arab, yang sejak zaman dahulu lagi telah terkenal dan termasyhur suka berperang dan bertempur di medan perang. Kebiasaannya mereka itu kalau tidak melakukan penyerangan, maka mereka itu pulalah yang akan diserang kerana itu mereka sentiasa berwaspada dan berhati-hati pada setiap masa dan waktu. Anak-anak mereka dari sejak kecil lagi telah dilatih cara berperang,

pendek kata pada mereka itu tidak ada perasaan takut atau gentar menghadapi lawan atau musuh pada sebarang masa dan ketika. Pada mereka perasaan takut adalah sebagai suatu aib yang akan mencacatkan nama baik keluarga atau kaum mereka. Takut dianggap oleh mereka adalah suatu beban yang akan memberatkan lagi beban mereka.

Kubalas dia segantang dengan segantang.

Perumpamaan yang selalu dikatakan oleh seorang yang telah dapat membalas dendam ke atas musuhnya, atau seorang yang berkuasa dapat menjatuhkan hukuman kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan, seimbang dengan kesalahan yang pernah dilakukan orang yang dikenakan hukuman itu.

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada kebiasaan kebanyakan orang-orang bangsa Arab yang suka berhutang piutang antara sesama mereka. Satu undang-undang yang terkenal di antara golongan mereka itu, barangsiapa berhutang mestilah (wajib) membayar, hutang emas dibayar dengan emas, hutang perak dibayar dengan perak, hutang padi dibayar dengan padi, hinggalah disebut hutang darah dibayar dengan darah.

Dari sejak dahulu lagi undang-undang ini telah dilakukan mereka dengan tidak memandang bulu dan tidak ada pilih-memilih. Dan undang-undang ini hingga sekarang ini masih tetap dipegang oleh mereka hinggalah diistilahkan seperti itu juga dalam perkara bermusuhan-musuhan dan balas-membalas dendam.

Kulit babi tak boleh disamak.

Perumpamaan ini juga tercipta sejak zaman Jahiliah, ertinya sebelum lahirnya agama Islam. Dimaksudkan bagi seseorang yang telah terkenal dengan kejahatan perangnya. Biar bagaimana hendak diperbaiki, ia tidak akan jadi baik dan ia¹ tetap dengan kejahatannya yang pernah dilakukannya. Perumpamaan ini lebih berpengaruh lagi setelah lahirnya agama Islam, apatah lagi dalam agama Islam binatang babi adalah dipandang sebagai najis yang berat hukumnya (*mughalazah*).

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada kebiasaan yang dilihat oleh orang-orang Arab yang kerap melakukan pemburuan ke atas binatang-binatang di hutan. Kesemua binatang-binatang hutan yang pernah diburu oleh mereka, selain daripada daging-dagingnya yang boleh menjadi habuan atau makanan mereka, ada juga yang boleh digunakan tanduk-tanduk, bulu-bulu atau kulit-kulit binatang-binatang itu. Tetapi kulit binatang babi tidak boleh dipengapakan mereka, kerana kulit babi itu sebati dengan dagingnya dan tidak bolehnya kulit babi disamak itu hanya kerana najisnya atau hukumannya haram, tetapi ialah juga kerana tidak boleh dikuliti, tidak seperti kulit binatang-binatang lainnya.

Bangkai tidak dapat mengeruhkan lautan.

Perkara kejahatan yang sedikit, tidak akan merosakkan kebaikan yang banyak yang pernah dihamburkan selama ini, terutama kalau orang itu terkenal sebagai seorang hartawan dermawan yang selamanya telah banyak berbudi dan berderma bakti kepada masyarakatnya, maka

jika pada suatu masa ia pernah melakukan kekhilafan atau kejatan², segala amalan baiknya tidak akan hilang begitu sahaja, malahan ia akan sentiasa dikenang orang.

Dimaksudkan juga bagi sesuatu kejahatan yang akan dilakukan oleh seseorang yang berhati dengki atau khianat terhadap seorang yang sentiasa melakukan kebaikan terhadap masyarakatnya. Biar bagaimana kejahatan yang akan dilakukan terhadap orang yang baik hati itu, orang itu akan tetap bersih dan tidak terbabit dengan kejahatan yang akan dilakukan terhadapnya. Malahan kejahatan yang akan dilakukan orang terhadapnya tidak akan memberi bekas sedikit pun kepadanya.



Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga RM2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

556/858, GEYLANG Road

SINGAPORE 14

¹ Pengulangan kata 'ia' dalam teks asal.

² Perkataan sebenar ialah kejahatan.